



## STATISTIK KERATAN AKHBAR JANUARI 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	<a href="#"><u>MI SEGERA MENU WAJIB</u></a>	HARIAN METRO MS 23	07/01/2023	KPT
2	<a href="#"><u>PENINGKATAN KOS SARA HIDUP BEBANKAN PELAJAR</u></a>	BERITA HARIAN MS 15	07/01/2023	KPT
3	<a href="#"><u>HADIS MUSALSAL DENGAN KASIH SAYANG</u></a>	HARIAN METRO MS 15	08/01/2023	AGAMA
4	<a href="#"><u>UNIVERSITI BUKAN KILANG GRADUAN</u></a>	BERITA HARIAN MS 21	09/01/2023	KPT
5	<a href="#"><u>UMS TERIMA DANA LEBIH RM1J LAKSANA PENJANA KPT-CAP FASA 3</u></a>	HARIAN METRO MS 37	09/01/2023	KPT
6	<a href="#"><u>IPT KENA LAPOR KEMENTERIAN JIKA INTERNET TENAT</u></a>	BERITA HARIAN MS 13	09/01/2023	KPT
7	<a href="#"><u>HANYA UNTUK SANG PENCIPTA</u></a>	HARIAN METRO MS 15	10/01/2023	AGAMA
8	<a href="#"><u>PERKEMAS INTEGRITI AUDIT DALAMAN</u></a>	SINAR HARIAN MS 18	10/01/2023	SEMASA
9	<a href="#"><u>GRADUAN PERLU PERSIAP DIRI LEBIH BERDAYA SAING</u></a>	BERITA HARIAN MS 13	26/01/2023	KPT
10	<a href="#"><u>PERTAHAN ISLAM IKUT KEMAMPUAN</u></a>	HARIAN METRO MS 14	27/01/2023	AGAMA
11	<a href="#"><u>IKAT PERUT, KERJA SAMBILAN PERKARA BIASA PELAJAR DI IPT</u></a>	UTUSAN MALAYSIA MS 04	27/01/2023	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 11 KERATAN AKHBAR

TAJUK: MI SEGERA MENU WAJIB

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 23

TARIKH : 07/01/2023

PELAJAR UNIVERSITI TERTEKAN KOS SARA HIDUP NAIK

# MI SEGERA MENU WAJIB

Oleh Izzati Zaidi  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**R**asa sesak juga memikirkan kos sara hidup yang semakin meningkat memandangkan saya penuntut dan tiada pendapatan tetap," kata Muhammad Hasif Roslan.

Muhammad Hasif, 21, penuntut ijazah sarjana muda perakaunan di Universiti Malaya (UM) di sini, mengakui peningkatan kos sara di ibu kota membebankan dan tidak masuk akal memandangkan terdapat banyak komitmen yang perlu diambil kira termasuk bahan sewa bilik.

"Saya gagal menginap di kolej dan ia lebih menjimatkan jika memperoleh kemudahan berkenaan.

"Sejak tinggal di luar, perbelanjaan bulanan saya meningkat daripada RM600 kepada RM800 selepas mengambil kira bayaran bilik sewa di Pantai Dalam iaitu RM320 termasuk utiliti serta Wi-Fi selain petrol untuk motosikal.

"Untuk makan, saya peruntukkan RM400 sebulan namun perlu bijak juga mencari lokasi yang menjual makanan pada harga berpatutan," katanya.

Menurutnya, cara paling



H/m 7/1/23 m/s 22

Sejak tinggal di luar, perbelanjaan bulanan saya meningkat daripada RM600 kepada RM800 selepas mengambil kira bayaran bilik sewa di Pantai Dalam"

Muhammad Hasif

mudah untuk mengurangkan perbelanjaan ekoran peningkatan kos sara hidup adalah dengan menjimatkan perbelanjaan makanan.

"Saya tiada pinjaman pengajian dan bukan penuntut tajaan malah saya bayar sendiri yuran belajar. Jadi, agak 'sakit' untuk menanggung kos sara hidup di sini.



Saya menyewa di Damansara, kos petrol pula antara RM50 hingga RM60 seminggu untuk berulang-alik dari Damansara ke universiti"

Muhd Jamaludin Sathar

"Saya pernah ikat perut kerana kekurangan wang dengan hanya memasak nasi serta menggoreng telur selain makan mi segera yang jadi menu wajib," katanya.

Sementara itu, penuntut semester tiga, Muhd Jamaludin Sathar Mohd, 21, mengakui sukar bagi penuntut untuk 'hidup' di universiti terletak di bandar memandangkan kos sara hidup te-



PELAJAR yang tinggal di luar kampus kini merasai beban perbelanjaan. - GAMBAR HIASAN

rus melonjak.

Menurutnya, kos perbelanjaannya meningkat hampir dua kali ganda malah peruntukan RM1,000 sebulan tidak mencukupi terutama sekali bagi penuntut yang menyewa bilik serta memiliki kenderaan.

"Bagi saya nilai sebanyak itu tidak mencukupi untuk tanggung kehidupan di sini kerana perbelanjaan bulanan saya yang turut meningkat daripada RM800 kepada RM1,400 apabila saya mula

menyewa dan membawa kenderaan pada semester ini.

"Saya menyewa di Damansara, kos petrol pula antara RM50 hingga RM60 seminggu untuk berulang-alik dari Damansara ke universiti.

"Sewa bilik pula RM450 termasuk utiliti dan Wi-Fi. Jika tinggal di kolej, saya dapat berjimat kerana ada pengangkutan percuma selain makanan murah," katanya yang juga penuntut ijazah sarjana muda hartanah di

UM. Muhd Jamaludin berkata, kenaikan harga barang dan kos sara hidup memberi kesan kepada kebanyakan penuntut malah ada segelintir yang melakukan kerja sampingan bagi menampung kehidupan.

"Saya sendiri pun tidak berbelanja besar seperti membeli pakaian baru namun hakikatnya, masih perlu guna banyak wang kerana kos sara hidup di ibu kota meningkat," katanya.

TAJUK: PENINGKATAN KOS SARA HIDUP BEBANKAN PELAJAR

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 15

TARIKH : 15/01/2023

BH Sabtu, 7 Januari 2023

Nasional 15

# Peningkatan kos sara hidup bebankan pelajar

## Penuntut terpaksa ikat perut, buat penyesuaian perbelanjaan naik dua kali ganda

Oleh Izzati Zaidi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peningkatan kos sara hidup dewasa ini turut membebankan golongan pelajar, terutama yang menuntut di pusat pengajian tinggi di ibu kota.

Ramai kalangan pelajar yang ditemui mengakui peningkatan kos sara hidup kebelakangan ini seperti sudah tidak masuk akal, tetapi tiada pilihan selain terpaksa ikat perut dan membuat penyesuaian berkaitan.

Bagi Muhammad Hasif Roslan, 21, penuntut ijazah sarjana muda perakaunan di Universiti Malaya (UM) di sini, mengakui semakin terbeban dengan peningkatan kos sara, terutama kos makanan selain perlunya menampung komitmen sedia ada, termasuk bayaran sewa bilik.

"Rasa sesak juga memikirkan kos sara hidup yang semakin meningkat memandangkan saya penuntut dan tiada pendapatan tetap," katanya sambil menambah bahawa bertambah kerana terpaksa menyewa bilik selepas tidak dapat kolej kadiaman.

"Sejak tinggal di luar, perbelanjaan bulanan saya meningkat daripada RM600 kepada RM800 selepas mengambil kira bayaran bilik sewa di Pantai Dalam iaitu RM320, termasuk utiliti serta WiFi selain petrol untuk motosikal.

"Untuk makan, saya peruntukkan RM400 sebulan, namun perlu bijak juga mencari lokasi yang menjual makanan pada harga berpatutan," katanya.

Menurutnya, cara paling mudah untuk mengurangkan perbelanjaan ekoran peningkatan kos sara hidup adalah dengan menjimatkan perbelanjaan makanan.

"Saya tiada pinjaman pengajian dan bukan penuntut tajaan malah saya bayar sendiri yuran belajar. Jadi, agak 'sakit' untuk menanggung kos sara hidup di sini.

"Saya pernah ikat perut kerana kekurangan wang dengan hanya memasak nasi serta mengoreng telur selain makan mi segera," katanya.

**Kos naik dua kali ganda**

Sementara itu, penuntut semester tiga, Muhd Jamaludin Sathar Mohd, 21, mengakui sukar bagi penuntut untuk 'hidup' di universiti di ibu kota meman-

dangkan kos sara hidup terus melonjak.

Menurutnya, kos perbelanjannya meningkat hampir dua kali ganda malah peruntukan RM1,000 sebulan tidak mencukupi terutama sekali bagi penuntut yang menyewa bilik serta memiliki kenderaan.

"Bagi saya nilai sebanyak itu tidak mencukupi untuk tanggung kehidupan di sini kerana perbelanjaan bulanan saya yang turut meningkat daripada RM800 kepada RM1,400 apabila saya mula menyewa dan membawa kenderaan pada semester ini.

"Saya menyewa di Damansara, kos petrol pula antara RM50 hingga RM60 seminggu untuk berulang-alik dari Damansara ke universiti.

"Sewa bilik pula RM450, termasuk utiliti dan Wi-Fi. Jika tinggal di kolej, saya dapat berjimat kerana ada pengangkutan

Sejak tinggal di luar, perbelanjaan bulanan saya meningkat daripada RM600 kepada RM800 selepas mengambil kira bayaran bilik sewa

Muhammad Hasif Roslan, Penuntut UM



## TAJUK: HADIS MUSALSAL DENGAN KASIH SAYANG

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 23

TARIKH : 07/01/2023

Metro Ahad | 08.01.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

15

addin

## LENTERA HADIS

# HADIS MUSALSAL DENGAN KASIH SAYANG

Bersama  
Dr Mohd  
Khafidz Soroni

ada siri lalu penulis telah membawakan hadis Nabi SAW yang berbunyi: "Orang yang mengasihi nescaya akan dikasih oleh Allah Yang Maha Pengasih. Kasihilah siapa yang di bumi, nescaya kalian akan dikasih siapa yang di langit" (**Riwayat Ahmad, Abu Dawud dan at-Tirmizi, katanya: hasan sahib**)

Hadir ini turut disebut sebagai 'hadith ar-rahmah' (hadis kasih sayang) kerana maksud hadis jelas berkaitan dengan perintah supaya berkasih sayang. Terdapat baki bagi matan hadis itu berbunyi: "Rahim (silaturahim) itu adalah satu cabang sifat daripada ar-Rahman (Yang Maha Pengasih). Maka, sesiapa yang menyambungnya, Allah juga akan menyambungnya, dan sesiapa yang memutuskannya, Allah juga akan memutuskannya".

Penulis juga menerangkan bahawa ulama hadis menjadikan pembacaan riwayat hadis ini sebagai adat kebiasaan pada awal majlis ilmu mereka dengan tujuan supaya kita sentiasa memulakan sesuatu pertemuan dengan kasih sayang dan tidak mudah merendah atau membenci antara satu sama lain. Semoga dengan niat tersebut dapat menarik rahmat dan kasih sayang Allah SWT kerana Rasulullah SAW bersabda: "Tatkala Allah selesai menetapkan penciptaan makhluk, Dia telah menulis di dalam Kitab-Nya, yang berada di sisi-Nya di atas Arasy: 'Sesungguhnya rahmat-Ku mengatasi kemurkaan-Ku'" (**Riwayat al-Bukhari dan Muslim**)

Oleh kerana ia dibaca pada awal majlis pertemuan antara guru dengan murid dan adat itu berterusan secara langsung daripada satu generasi ke satuh generasi, lama-kelamaan sanad hadis berkenaan berantai-rantai atau berturut-turut dengan murid menyebut hadis berkenaan adalah riwayat pertama yang didengar daripada gurunya. Maka, setiap perawi akan berkata ketika meriwayatkan semula hadis itu: "Diberitakan kepada kami oleh syeikh polan dan ia hadis pertama yang aku dengar daripadanya...". Atau setiap perawi menyebut daripada gurunya: "Inilah hadis pertama yang aku dengar daripadanya".

Justeru, hadis ini masyhur dikenali sebagai hadis 'musalsal bil-awwaliyyah' (berturut-turut dengan menyebut riwayat pertama).

Secara ringkas, hadis 'musalsal' bermaksud hadis yang berantai-rantai atau berturut-turut perawi dalam rantaian sanadnya mengikut suatu ciri, sifat, perbuatan atau keadaan yang sama semasa meriwayatkannya.

Justeru, setiap perawi seorang demi seorang perlu mengikut gaya periwayatannya secara sama berurutan. Jika tidak, sifat musalsal itu hilang dan terputus.

Adakalanya musalsal berlaku pada sifat dan keadaan perawi dan adakalanya pula berlaku pada bentuk riwayat hadis itu sendiri. Antara kelebihan meriwayatkan hadis secara musalsal ialah menjadikan hadis yang diriwayatkan oleh perawi lebih tepat dan benar-benar mengikut perihal baginda Nabi SAW dan sekalian salafussoleh. Meskipun demikian, amat sedikit hadis musalsal yang selamat daripada kecacatan dan kelemahan pada sifat musalsalnya walaupun matan hadisnya berstatus sahib.

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, antara hadis musalsal paling sahib diriwayatkan di dunia ialah hadis musalsal membaca Surah as-Saf. Menurut al-Hafiz as-Sakhawi, yang kedua sahib ialah hadis musalsal bil-awwaliyyah.

*Tatkala Allah selesai menetapkan penciptaan makhluk, Dia telah menulis di dalam Kitab-Nya, yang berada di sisi-Nya di atas Arasy: 'Sesungguhnya rahmat-Ku mengatasi kemurkaan-Ku'*

**Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim**

ini. (**Lihat: Fath al-Mughith, 3/59**)

Perkataan 'bil-awwaliyyah' bermaksud hadis pertama kali didengari perawi semasa bertemu seseorang guru, lalu dimulakan pertemuan dengan periwayatan hadis berkenaan. Periwayatan begini disebut hadis 'musalsal bil-awwaliyyah haqiqiyah'. Adapun jika hadis itu pernah diperdengarkan sebelumnya oleh guru di tempat lain, namun di tempat tersebut ia baru pertama kali diperdengarkan, maka riwayat ini disebut 'musalsal bil-awwaliyyah nisbiyyah'.

Penyampaian riwayat hadis ini boleh dibuat sama ada secara 'sama' yakni guru membacakan hadis dan murid mendengarnya, atau secara qira'ah yakni murid membacakan hadis di hadapan guru dan guru menyematnya

serta memperakuinya.

Bagaimanapun, antara yang perlu diketahui, sifat musalsal hadis ini hanya berlaku pada sebahagian rantaian sanad sahaja, bukan keseluruhan sanad. Ini kerana jalur riwayatnya yang bersambung secara musalsal bil-awwaliyyah terhenti setakat Imam Sufyan bin Uyainah sahaja. Justeru, sesiapa yang meriwayatkan hadis itu secara musalsal sehingga sampai akhirnya kepada Nabi SAW maka ia telah silap dan keliru.

Disebabkan peri pentingnya hadis ini, ramai ulama yang telah menghususkan perbincangannya dalam sebuah karya berasingan. Berdasarkan penelitian penulis, terdapat lebih 40 karya yang disusun oleh ulama bagi meriwayatkan dan menjelaskan kedudukan hadis yang cukup istimewa ini. Antara tokoh yang menghasilkan karya mengenainya ialah Abu Tahir as-Silafi, Ibn as-Solah, Abdul Mu'min ad-Dimiyati, az-Zahabi, Taqiy ad-Din as-Subki, Ibn al-Mulaqqin, Zain ad-Din al-'Iraqi, Ibn Nasir ad-Din ad-Dimasyqi, Murtadha az-Zabidi, 'Abdul Hayy al-Kattani, Muhammad Yasin al-Fadani, Abdul Aziz as-Siddiq al-Ghumari dan ramai lagi.

**Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Universiti Islam Selangor (UIS)**



HADIS berkaitan kasih sayang sering dibacakan pada awal majlis ilmu bertujuan supaya sentiasa memulakan sesuatu dengan perasaan berkenaan.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UNIVERSITI BUKAN KILANG GRADUAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 21

TARIKH : 09/01/2023

## Universiti bukan 'kilang' graduan

8/1/2023 ms. 21

Kota Kinabalu: Universiti tidak boleh lagi berpegang pada 'status quo' dengan hanya memainkan peranan sebagai 'kilang' menghasilkan graduan berkualiti semata-mata.

Sebaliknya, keintellectualan ahli akademik yang pelbagai perlu ditransformasi bagi menghasilkan ramuan menyelesaikan pelbagai isu dalam masyarakat.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr Kasim Mansor berkata, pada era teknologi dan digitalisasi ini, peranan universiti sudah pun meluas mencakupi segenap spektrum kehidupan masyarakat.

"Inovasi dan kreativiti dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan bagi mempertingkatkan kemaslahatan hidup masyarakat adalah sesuatu yang sangat diharapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat tahun baru kepada warga UMS secara dalam talian, di sini.

Justeru itu katanya, bagi merealisasikan hasrat terbabit, Kasim mengumumkan slogan baru 'UMS menerajui ke arah masyarakat inovatif' sepanjang tahun ini.

"Sematkan dalam minda se-

mua akan kesedaran bahawa kita adalah institusi ilmu yang lahir dan bertapak di Sabah. Universiti awam yang terhasil dari cetusan nurani rakyat di negeri ini.

"Jadi, kita berperanan penting sesuai dengan kepakaran yang ada dalam usaha bersama membangun kehidupan masyarakat," katanya.

Kasim berkata, sebagai warga UMS tanpa mengira pangkat setiap seorang perlu mampu menjadikan keberadaan universiti itu di Sabah khasnya menjadi lebih bermakna.

Katanya, UMS tidak mampu untuk terus berada di lokasi selesa dan strategik di bandaraya Kota Kinabalu tanpa

dirasai rasional kewujudannya di segenap pelusuk tanah air khususnya dalam negeri Sabah yang luas.

"Selain perlu melipatgandakan usaha sedia ada, beberapa pendekatan strategik diperlukan dalam mendepani cabaran baharu dan mengatasi dugaan yang menuntut keterbukaan minda," katanya.

Untuk rekod, UMS ditubuhkan pada 24 November 1994 dan ia adalah universiti awam kesembilan ditubuhkan di Malaysia. Sehingga kini UMS sudah pun melahirkan lebih 60,000 graduan.



Kasim Mansor

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UMS TERIMA DANA LEBIH RM1J LAKSANA PENJANA KPT-CAP  
FASA 3

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 37

TARIKH : 09/01/2023

# UMS terima dana lebih RM1j laksana PENJANA KPT-CAP Fasa 3

9/1/23 H/m m 827  
Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima dana berjumlah RM1,191,500 daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi pelaksanaan program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) KPT-CAP Fasa 3 pada tahun ini.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Kasim Mansor berkata, PENJANA KPT-CAP adalah inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak Covid-19.

Menurutnya, di bawah Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran, objektif utama PENJANA KPT-CAP adalah bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti yang tamat pengajian pada 2020, 2021 dan 2022 serta belum mendapat pekerjaan.

"Kami amat berterima kasih kepada pihak KPT kerana terus memberikan kepercayaan dan pengiktirafan kepada UMS untuk melaksanakan

program ini sejak 2021," katanya dalam satu kenyataan.

Dr Kasim berkata, pelaksanaan program PENJANA KPT-CAP di UMS dikendalikan Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) di bawah seliaan pengaruhnya Profesor Madya Dr Soon Singh Bikar Singh.

"Melalui inisiatif ini graduan boleh mengikuti program latihan bagi mendapat dan meningkatkan kemahiran serta berpeluang memperoleh penempatan pekerjaan selepas tamat latihan."

"Program ini juga adalah platform terbaik untuk meningkatkan nilai tambah dalam kalangan graduan selain kemahiran insaniah yang diperoleh ketika menimba ilmu di institusi pengajian tinggi.

"Ia sekali gus memastikan graduan memiliki daya saing yang tinggi dan mempunyai kompetensi yang relevan bagi menjamin kebolehpasaran mereka di alam pekerjaan," katanya.

Untuk rekor, PKPKP UMS sudah mengadakan pelbagai program di bawah PENJANA KPT-CAP dengan kerjasama pihak industri dan agensi luar sebelum ini. Antaranya, termasuk penganjuran Kursus Aircraft Manufacturing Technology; Certified Drone Precision Agriculture Proficient; Industrial Internet of Things; Kursus Pengurusan Acara Karnival dan Jualan; Kursus Perunding Unit Amanah, Kursus Keusahawanan, Kursus Digital Marketing, Certified Team Leader dan pelbagai lagi.



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: IPT KENA LAPOR KEMENTERIAN JIKA INTERNET TENAT

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 09/01/2023

# IPT kena lapor kementerian jika internet 'tenat'

18min 9/1/23 ms 13

Johor Bahru: Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) memohon pihak institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta melaporkan kepada kementerian jika menghadapi masalah tiada atau kurang capaian liputan internet di kampus mereka hingga membebankan pelajar.

Timbalan Menterinya, Teo Nie Ching, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung isu itu bagi mencari penyelesaian mengenainya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memastikan IPT di negara ini mempunyai perkhidmatan rangkaian yang paling baik.

"Kita mengalu-alukan pelajar IPT awam dan swasta yang menghadapi masalah capaian internet atau WiFi di universiti masing-masing supaya berhubung dengan KKD supaya kami boleh mengetahui lebih terperinci mengenainya.

"Kita juga akan adakan mesyuarat dengan MCMC dan syarikat telekomunikasi untuk pas-

tikan kampus IPT mempunyai perkhidmatan rangkaian paling bagus untuk pelajar.

"Kita selalu cakap perkhidmatan rangkaian adalah satu keperluan asas yang diperlukan semua lapisan masyarakat khasnya pelajar, jadi KKD dan MCMC akan bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk pastikan masalah capaian internet ini diatasi segera," kataanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat konti Johor fm dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Johor di sini, semalam.

Kelmarin, Eksekutif Umum Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) 2022, Muhammad Noraiman Zulkifli, memaklumkan masalah capaian Internet di IPT, masih tiada jalan penyelesaian walaupun banyak pihak mendakwa kemudahan itu kini semakin baik dan mencapai tahap memuaskan.

Beliau berkata, kebanyakan universiti awam menerima nasib sama apabila liputan capaian internet sangat tenat dan teruk hingga diibaratkan seperti 'hidup segan, mati tak mau'.

TAJUK: HANYA UNTUK SANG PENCIPTA

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 10/01/2023

Harian Metro | Selasa 10.01.2023

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

www.hmetro.com.my

15

addin

## CINTA DALAM ISLAM

# Hanya untuk Sang Pencipta



Bersama  
Prof Dr  
Engku Ahmad Zaki  
Engku Alwi



Bagi orang beriman, takwa yang terpahat kukuh di lubuk jiwa akan membiasakan rasa cinta yang mendalam dan rindu yang membara terhadap Allah Taala



**AL-HAQ**  
Sehari sepotong ayat

"(Maka) kepada Tuhanmu lah - pada waktu itu - engkau dibawa (untuk menerima balasan)." (Surah al-Qiaamah, ayat 30)

etiap insan di dunia ini mempunyai perasaan cinta kepada sesuatu atau kepada seseorang. Dari satu sudut, cinta itu kadang-kadang boleh mengakibatkan seseorang itu buta mata hatinya sehingga dia leka, lupa, alpa dan hilang kesedaran terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Dari satu sudut lain, cinta juga boleh membahagiakan seseorang sehingga dia dapat mengecapi kemanisan dalam setiap detik kehidupannya. Demikianlah betapa kuatnya pengaruh cinta hingga boleh mengubah perwatakan, peribadi dan hala tuju hidup seseorang manusia dalam menelusuri pentas hidup yang penuh pancaroba ini.

Dalam realiti kehidupan semasa, cinta itu ditakrifkan sebagai seseorang yang mencintai seseorang wanita dan begitu juga sebaliknya. Cinta sebegini yang memastikan zuriat manusia berkembang biak di alam semesta ini. Namun, cinta yang sebegini juga adalah punca utama kepada kemungkar yang semakin membarah dalam budaya hidup masyarakat Islam kini. Lihatlah sahaja di sekeliling masyarakat moden dewasa ini di mana kedapatan ramai anak remaja dan muda mudi yang begitu tergamac melanggar norma tata susila masyarakat dan hukum hakim Allah Taala apabila mereka asyik dalam lamunan cinta. Tidak hairanlah mereka tanpa segan silu berpegangan tangan, berjalan berdua-duaan, malahan ada juga yang sanggup berpeluk-pelukan dan bercumbu-cumbuan di khalayak ramai.

Justeru, di manakah letaknya sifat malu mereka? Adakah kerana mereka begitu asyik tenggelam dalam lautan cinta sehingga perasaan malu yang bersemayam di sudut jiwa terhakis dihempsa badai cinta? Namun begitu, yang paling malang dan menyedihkan lagi, bukan sahaja golongan muda yang terjebak dalam kancang yang terlarang ini, bahkan golongan yang berumur juga sanggup melakukan perkara yang sedemikian rupa seolah-olah mereka tidak ada lagi memiliki perasaan malu dan kehormatan diri dalam kejauhan sudut hati.

Sememangnya tidak dapat dinafikan manusia diciptakan dengan naluri semula jadi untuk mencintai dan menyayangi makhluk lain. Ini kerana perasaan cinta itu adalah satu perasaan

semula jadi yang tidak dapat dinafikan kewujudannya dalam kamus kehidupan manusia sejagat. Oleh itu, terdapat seseorang yang mencintai dirinya sendiri atau cinta kepada orang lain atau cinta kepada makhluk lain atau cinta yang paling unik cinta kepada Allah Taala. Kesemuanya itu satu bukti jelas betapa perasaan cinta sememangnya sedia ada dalam diri manusia.

Sehubungan itu, Allah Taala ada berfirman yang bermaksud: "Dihiaskan (dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu iaitu perempuan-perempuan, anak-pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang-binatang ternakan dan kebun-kebun tanaman. Semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah) pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)." (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Jelas bahawa cinta adalah satu perasaan yang diharuskan oleh Allah Taala kepada umat manusia, namun cinta kepada perkara yang bersifat keduniaan pada hakikatnya bukanlah satu perasaan cinta yang akan berkekalan hingga ke Hari Akhirat. Dalam erti kata lain, cinta seorang suami kepada isterinya adalah diharuskan, begitu juga cinta kedua ibu bapa terhadap anak-anaknya, cinta seseorang kepada harta bendanya, cinta kepada kenderaan kesayangannya, cinta kepada binatang ternakan dan cinta kepada tanah kebunnya yang luas adalah cinta yang diharuskan oleh Allah Taala kepada manusia.

Walau bagaimanapun, perlu diinsafi cinta kepada kebendaan tersebut hanyalah bersifat sementara semasa hidup di dunia ini sahaja. Tetapi langkah baiknya jika cinta kepada kebendaan tersebut dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk memantapkan ketakwaan dan keikhlasan kepada Allah Taala, maka cinta tersebut adalah cinta yang cukup agung, mulia dan suci di sisi Allah Taala.

Sebaliknya cinta yang keterlaluan terhadap kebendaan tersebut sehingga tergamac melanggar batasan Allah Taala dan juga nilai masyarakat, maka cinta tersebut adalah cinta terlarang yang hanya mengakibatkan padah yang buruk dan kesudahan yang penuh sengsara di kemudian hari.

Bagi orang beriman, takwa yang terpahat kukuh di lubuk jiwa akan membiasakan rasa cinta yang mendalam dan rindu yang membara terhadap Allah Taala. Apatah lagi, perasaan cinta dan rindu yang menguntung mekar ini

akan meningkatkan iman seseorang kepada Allah Taala. Natijahnya, orang yang merindui dan mencintai Allah Taala adalah golongan yang dapat mengecapi kemanisan iman sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW lewat sabdanya: "Tiga perkara apabila berada pada diri seseorang, nescaya dia akan merasai kemanisan iman; iaitu hendaklah Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai daripada yang lain; hendaklah juga dia mengasihi dan mencintai saudaranya semuslim kerana Allah Taala; dan dia amat benci untuk kembali kepada kekufturan setelah diselamatkan Allah daripadanya sebagaimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam api neraka yang bernyala-nyala api di dalamnya."

(Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Maksud hadis tersebut mengisyaratkan cinta seseorang kepada Allah Taala adalah satu tanda beriman dan bertakwanya seseorang itu. Bahkan cinta kepada Allah Taala juga adalah sebahagian daripada syarat beriman kepada Allah Taala. Ini diperkuatkan lagi dengan sabda Baginda SAW yang bermaksud: "Kamu tidak akan beriman sehingga Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai daripada yang lain." (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Seterusnya, perasaan cinta ini sebenarnya tidak akan berputik dengan hanya sekadar seseorang itu berdiam diri sahaja tanpa melakukan sesuatu amalan untuk sampai kepada matlamat yang dituju. Sebaliknya, bibit-bibit cinta perlu dibajai dan disiram dengan haruman makrifat yang sebenarnya kepada Allah Taala. Untuk mencapai ke makam makrifat kepada Allah Taala, seseorang Muslim hendaklah mengenali segala sifat-sifat-Nya yang agung dan suci daripada segala kekurangan yang menyaksikan Allah Taala sebagai Pencipta Mutlak alam semesta.

Bagi juga dengan memerhati segala ciptaan-Nya yang menghiasi keindahan alam maya ini daripada jutaan makhluk yang menghuni atas muka bumi ini daripada sekecil-kecilnya hingga besar makhluk. Kesemuanya itu sudah cukup sebagai satu bukti yang terang kepada kebesaran Allah Taala dan keagungan-Nya dan ia juga memadai untuk mencetuskan rasa keinsafan dalam diri seseorang untuk mengagungkan Allah Taala dan seterusnya berputik perasaan cinta yang suci ke hadrat Allah Taala.

Apabila perasaan cinta sudah berputik di lubuk jiwa, hatinya akan sentiasa ingat kepada Allah Taala sepanjang masa dan hubungannya dengan Allah Taala

juga semakin hampir di mana dia merasakan kehadiran Allah Taala dalam setiap detik kehidupannya. Oleh itu, dia akan merasa malu dan tidak tergamac untuk melanggar perintah Ilahi, sebaliknya dia akan merasa suka dan cinta serta tidak sabar-sabar untuk melakukan amalan yang akan membawa kepada keredaan Allah Taala. Apabila perasaan seumpama itu wujud dalam diri seseorang Muslim bermakna dia telah mencintai Allah dan mengecapi nikmat kemanisan beriman kepada Allah Taala.

Selain daripada cinta kepada Allah Taala, seseorang Muslim juga dituntut mencintai Rasulullah SAW yang merupakan seorang manusia yang paling dicintai di sisi Allah Taala sehingga baginda SAW pernah digelar Habibullah iaitu kekasih Allah. Yang paling uniknya cinta seseorang Muslim kepada Rasulullah SAW merupakan bukti cintanya kepada Allah Taala. Dalam hal ini, Allah Taala berfirman yang bermaksud: "Katakanlah ( wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah akan mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi." (Surah Ali Imran, ayat 31)

Cintanya seseorang Muslim kepada Rasulullah SAW dibuktikan melalui kepatuhan yang penuh tulus terhadap apa-apa sahaja yang dibawa oleh Baginda SAW dengan menerima dan meneladani segala perjalanan hidupnya iaitu sunnahnya dan juga menjauhi segala dilarangnya.


Di samping itu, Islam juga menganjurkan setiap Muslim agar mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri. Ini adalah sendi akhlak Islam yang tinggi dan terpuji. Memadailah baginda Rasulullah SAW sebagai model terbaik dalam membuktikan kecintaannya yang mendalam kepada sahabatnya, kepada sekalian kamu Muslimin, tidak kira tua atau muda, besar atau kecil, miskin atau kaya, semuanya sama belaka. Yang paling mengagumkan ialah cintanya Rasulullah SAW terhadap mereka sekalian melebihi kasih dan cintanya terhadap dirinya sendiri. Itulah contoh cinta ideal yang sewajarnya diikuti dan diterjemahkan dalam realiti kehidupan Muslim masa kini dalam usaha untuk menjana kesatuan ummah yang padu lagi jitu dalam mendepani cabaran globalisasi dewasa ini.

**Penulis Dekan**  
**Fakulti Pengajian**  
**Kontemporari Islam, Universiti**  
**Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

SELASA 10 JANUARI 2023 • SINAR HARIAN

18 | CETUSAN

# Perkemas integriti audit dalaman



PERSPEKTIF  
WAN SURAYA WAN MOHD RADZI

Tidak dinafikan apabila mendengar sahaja perkataan audit, ramai individu terutamanya yang diaudit berasa tidak selesa dan resah. Seolah-olah proses audit ini hanya mahu mencari kesalahan seseorang dan merupakan satu bentuk penganiayaan.

Perspektif negatif seperti ini sekiranya terus membina, ia hanya akan menakutkan pekerja dan menyebabkan audit dalaman dianggap bertentangan dengan pihak yang diaudit.

Kenapa audit dalaman itu penting? Apa itu audit? Audit dalaman merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundungan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Ia juga berperanan untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanannya semua proses kawalan dan tadbir urus.

Selama bertahun-tahun, audit dala-

man telah berkembang menjadi aktiviti sangat profesional yang menjangkau penilaian kecekapan dan keberkesanannya semua aspek operasi organisasi termasuk kewangan dan bukan kewangan.

Bagi membantu proses penambahbaikan ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) juga menyediakan konsultasi Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 30071:2016 yang mengandungi latihan khas berkenaan audit dalaman ini sedikit sebanyak dapat membantu organisasi-organisasi berkembang maju dalam membendung kegiatan rasuah.

ABMS adalah satu produk untuk mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah dalam sesebuah organisasi, menggunakan pendekatan pencegahan awal dengan mengenal pasti risiko-risiko rasuah terhadap individu di sesebuah organisasi berdasarkan fungsi-fungsi sebuah jabatan, unit maupun bahagian bagi menutup ruang untuk membasmi kegiatan rasuah.

Antara manfaat yang ABMS berikan adalah dapat mengurangkan risiko amalan rasuah di peringkat dalaman dan luaran, di samping memberikan impak positif terhadap prestasi organisasi termasuk penjimatan kos operasi, pengurusan aduan, perolehan dan tadbir urus. Seterusnya, pelaksanaan ABMS bagi sesuatu organisasi juga dapat meningkatkan keyakinan pelanggan, pekerja dan juga pihak berkepentingan.

Persis kata cendekiawan, '*Integrity is doing the right thing, even when no one is watching us...*' – CS Lewis

Konsultasi ABMS ISO 30071:2016 yang mengandungi latihan khas berkenaan audit dalaman ini sedikit sebanyak dapat membantu organisasi-organisasi berkembang maju dalam membendung kegiatan rasuah.

Selari dengan usaha menggalakkan pembangunan ABMS dipertingkat oleh organisasi awam dan swasta, IIM turut mewujudkan inisiatif seperti Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA). AIGA merupakan satu anugerah bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dan kebertanggungjawabannya dalam usaha memperkasakan pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi masing-masing. Ia secara langsung akan menggalakkan usaha pematuhan audit terlaksana dengan lebih berkesan.

Selain itu, IIM juga akan menganjurkan Forum ABMS pada bulan Februari 2023 bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai ABMS; menyediakan platform perkongsian pengalaman dalam pelaksanaan dan pensijilan ABMS; dan mengenal pasti isu serta cabaran dalam pelaksanaan AMBS. Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi digariskan

dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya 'Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah'.

Pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan penerapan nilai integriti dalam diri setiap individu juga perlu diberi perhatian khusus. Jika tidak diperaktikkan secara berterusan dan tidak mendapat kerjasama dari semua pihak, nilai ini akan terkubur. Jika semua pihak bergandingan bahu ibarat bukit sama diadaki, ke lurah sama dituruni, sudah pasti akan dapat melahirkan warga Malaysia yang kaya dengan sifat integriti.

Dalam sebuah hadis sahih yang diwajahkan oleh Bukhari dan Muslim telah menjelaskan bahawa hati atau jantung ini merupakan salah satu organ yang penting di dalam badan atau jasad manusia kerana ia akan menentukan sama ada baik atau buruknya jasad (akh-lak) seseorang itu.

Daripada Nu'man bin Basir berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda: Maksudnya: 'Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)'.

\* Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN PERLU PERSIAP DIRI LEBIH BERDAYA SAING

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 26/01/2023

# Graduan perlu persiap diri lebih berdaya saing

Huurul 'Ein  
Razali,  
Universiti  
Pendidikan  
Sultan Idris

Bukan hal biasa kita membaca mengenai graduan universiti yang bekerja di luar bidang. Ini termasuk lulusan profesional yang bekerja sebagai penghantar makanan dan jurujual, malah pelbagai lagi pekerjaan tidak setanding kelulusan demi meneruskan kehidupan.

Apatah lagi selepas penularan COVID-19, hal begini seakan sudah menjadi perkara umum. Namun adakah selama-lamanya mereka perlu bertahan dalam pekerjaan itu? Sedangkan isu sebenarnya, kita kurang peluang pekerjaan menyebabkan berlakunya pengangguran.

Dalam satu laporan mengenai pengangguran kadar tertinggi dicatatkan dalam kalangan graduan berusia 24 tahun ke bawah. Peratusan yang direkodkan adalah 76.9 peratus pada 2021, manakala tahun sebelumnya 78.6 peratus.

Kita tidak menolak pengangguran juga disebabkan permintaan melebihi penawaran. Di Malaysia, institusi pengajian tingginya terlalu banyak. Selain milik kerajaan, universiti swasta tumbuh bагai cendawan selepas hujan.

Namun, pendidikan tinggi bukan jaminan mereka memperoleh kerjaya atau kedudukan yang stabil. Mereka perlu bersaing dengan ribuan lagi graduan. Dalam dunia pekerjaan, deretan A bukan hal utama dilihat majikan. Sebaliknya kemahiran, personaliti dan keupayaan berkomunikasi serta kerjasama berkumpulan jadi nilai utama.

Persaingan menyebabkan hanya yang terampil dilihat, ia juga mewujudkan lebihan permintaan, sekali gus faktor indeks pengangguran negara meningkat.

Masalah pengangguran antara masalah yang perlu ditanganai dan pasti menjadi cabaran baharu kepada graduan masa kini. Saban tahun kita melahirkan ribuan graduan pelbagai bidang, ia menyebabkan persaingan tinggi hingga mengakibatkan ramai yang sedia melakukan apa-apa sahaja pekerjaan untuk terus bertahan hidup. Ini termasuk bekerja di luar bidang pengajian.

Namun, kadar pengangguran yang tinggi juga berlaku kerana sikap sebahagian graduan terlalu memilih pekerjaan. Ketika rakan lain tidak kisah menjadi penghantar makanan atau jurujual, ada sesetengah masih memikirkan standard dan cenderung untuk memilih pekerjaan. Mereka mahu kerjaya gah dipandang masyarakat. Jadi, demi standard yang ingin digalas mereka lebih sanggup menganggur.

## Kualiti perkhidmatan setanding kelulusan

Melihat pada sisi lain, lazimnya majikan kini ingin pekerja yang aktif dan dapat memberikan hasil kerja berkualiti setanding kelulusan. Bukan itu sahaja, keupayaan berkomunikasi dengan baik dan efektif serta cekap juga diperlukan majikan. Hal ini memperlihatkan cabaran terhadap graduan dalam mendapatkan pekerjaan adalah begitu sengit.

Pada waktu sama, kemasukan tenaga buruh asing juga memberi saingan. Umumnya, majikan lebih berminat membayar tenaga kerja asing kerana gajinya yang murah.

Kebanjiran tenaga asing tidak kira dalam bidang mana sekali pun antara cabaran kepada generasi muda untuk mencari pekerjaan.

Namun, hanya duduk dan mengeluh tidak mampu menyelesaikan masalah. Pekerjaan di luar bidang pengajian atau kerja yang dianggap bergaji kecil dan tidak setimpal dengan kelulusan bukanlah alasan untuk graduan terus menganggur.

Pada usia muda, pengalaman adalah universiti paling baik untuk terus memajukan diri. Kelulusan sedia ada diganding dengan pengalaman akan mematangkan, malah menjadi pembuka jalan untuk terus memajukan diri. Mana tahu ia adalah ruang untuk mencipta pekerjaan sendiri sehingga menjadi usahawan berjaya.

Hari ini kelulusan tinggi bukan tiket mudah untuk memperoleh pekerjaan, bergaji tinggi dan hidup mewah. Keindahan seperti itu tidak ditakdirkan menjadi milik semua orang dan mungkin hanya ada dalam drama televisyen jam 6 petang.

Sebagai graduan, buka langkah dari bawah dan naik perlahan dengan kekuatan, pengalaman dan pendidikan yang diperoleh di universiti.

Angan-angan menjadi kaya sekilip mata hanya milik Mat Jenin. Anda perlu merebut sebanyak mungkin peluang bagi mendapatkan pekerjaan dan membina pengalaman. Paling utama, persiapkan diri supaya lebih berdaya saing.



Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

## PERANAN MUSLIM

# Pertahan Islam ikut kemampuan



Bersama  
Dr Nor Hazrul  
Mohd Salleh

ebagi seorang Muslim yang benar-benar cintakan agamanya pasti akan berasa tercabar apabila agamanya dihina dan dicabuli kehormatannya.

Terutamanya dalam perkara berkaitan kesucian syariat Allah SWT, kenabian serta perkara yang berkaitan risalah Islam secara amnya. Setiap Muslim wajib mempertahankan agamanya dan menangkis segala salah faham serta provokasi mengikut kadar kemampuan masing-masing. Paling penting, mesti dengan ilmu, keperibadian tinggi, kebijaksanaan dan sikap toleransi sebagaimana dianjurkan Islam.

Orang kafir sentiasa mencari jalan untuk menentang dan melawan Islam. Bahkan, mereka berusaha bersungguh-sungguh menghalang kebangkitan Islam sebagaimana yang berlaku kepada Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Allah berfirman: "Dan ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya." (Surah al-Anfal, ayat 30)

Perkara ini jelas berlaku sejak peringkat awal dakwah Rasulullah di Makkah. Apabila baginda Nabi berhijrah meninggalkan Makkah maka tinggallah sebahagian orang mukmin yang belum berhijrah bersama baginda. Pada masa itulah bertambahnya siksaan dan azab yang dilakukan orang musyrikin. Sehingga mereka merintih kepada Allah sebagaimana firman yang bermaksud: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini yang penduduknya ( kaum kafir musyrik) yang zalim dan jadikanlah bagi kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami (daripada ancaman musuh)." (Surah al-Nisa', ayat 75)

Rentetan daripada munajat itulah Allah memperkenankan doa mereka dengan memberi keizinan mereka berjihad mempertahankan diri mereka

dan mereka yang beriman dan belum mampu berhijrah. Berdasarkan ayat ini juga difahami bahawa syariat berjihad dalam Islam adalah secara dasarnya untuk mempertahankan diri, bukan tindak balas terhadap kezaliman semata-mata.

Allah berfirman: "Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperang (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianinya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkusa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah." (Surah al-Hajj, ayat 39-40)

Islam tidak sekali-kali menganjurkan kezaliman dalam bertindak balas terhadap penghinaan dan pencabulan ke atas kesucian agama Islam. Malah, dasar jihad dalam Islam juga berasaskan kepada nilai akhlak dan etika yang sangat ketat dan menjunjung tinggi dasar keadilan yang sangat mulia.

Tiada kaitan agama Islam dengan sikap ekstrim sesetengah pihak. Pada masa yang sama, Islam mengangkat orang yang berjuang sehingga mati syahid sebagai lambang kebanggaan dan kemuliaan. Allah berfirman yang bermaksud: "Dan jangan sekali-kali engku menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu

mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." (Surah Ali-Imran, ayat 169)

Bahkan, bagi mereka balasan syurga di sisi Allah. Betapa mulianya kedudukan mereka dengan anugerah ini jika jihad mereka berdasarkan syariat dan peraturan yang ditetapkan Allah.

Allah berfirman: "Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Quran, dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar." (Surah al-Taubah, ayat 111)

Oleh itu, dengan pelbagai cabaran, penghinaan dan pencabulan terhadap kehormatan Islam kini setiap Muslim wajib bertindak mengikut kemampuan dan bidang masing-masing. Setiap orang Allah kurniakan kelebihan dan kebijaksanaan yang berbeza dan boleh digunakan untuk memperjuangkan kebenaran serta membentulkan

persepsi buruk serta negatif terhadap Islam. Menjadi kewajipan setiap Muslim untuk berjuang mempertahankan Islam mengikut bidang masing-masing sama ada melalui pendidikan, ekonomi, penyiaran, komunikasi, hubungan politik serta diplomasi, sukan dan lain-lain.

Setiap orang ada peranan. Amat rugi mereka yang dikurniakan kelebihan tetapi tidak dimanfaat untuk kepentingan Islam.

Allah berfirman: "Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) daripada kalangan orang-orang yang beriman - selain daripada orang-orang yang ada keuzuran - dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjah. Dan tiap-tiap satu (daripada dua golongan itu) Allah menjanjan dengan balasan yang baik (Syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar." (Surah al-Nisa', ayat 95)

**Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Pusat Pendidikan UM, Bachok, Kelantan**

## dialog kotaraya oleh juragan



SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 04

TARIKH : 27/01/2023

4

UTUSAN MALAYSIA  
JUMAAT • 27 JANUARI 2023

## Dalam Negeri

# Ikat perut, kerja sambilan perkara biasa pelajar IPT

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA, ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI dan NORUL AKMA MOHD ZAIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**BUTTERWORTH:** Istilah catu makanan, ikat perut adalah perkara biasa bagi pelajar universiti yang menyewa di luar kampus dan menjadi cabaran besar kepada mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penuntut tahun dua sarjana jurusan Arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM), Esnita Sonie, 28, berkata, keadaan itu turut disebabkan oleh sebahagian penyewa rumah mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sewa kerana tahu penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) tiada pilihan yang banyak untuk mencari tempat tinggal.

“Kadar sewa bagi sebuah bilik ialah RM330 sebulan dan saya menyewa bersama tujuh penghuni lain dalam satu rumah,” katanya yang pernah menyewa ketika tahun pertama pengajian dan kini tinggal di asrama sepenuhnya.

### LAPORAN KHAS

Tambahnya, perbandingan hidup di asrama jauh lebih menjamin berbanding hidup menyewa di luar kampus.

“Makanan dan minuman di kafe dalam kampus jauh lebih murah berbanding di luar iaitu penjimatan kira-kira sehingga 30 peratus. Bagi saya, hal itu sangat membantu kerana ada dalam kalangan penuntut IPT bukan daripada golongan senang.

“Pernah suatu ketika saya terpaksa makan nasi lemak berharga RM1.50 untuk sehari bagi mengisi perut untuk waktu sarapan, tengah hari dan juga makan malam,” katanya yang berasal dari Tawau, Sabah.

#### KERJA SAMBILAN

Sementara itu, penuntut tahun akhir jurusan kejuruteraan yang ingin dikenali sebagai Azlina, 25, berkata, beban kos sara hidup yang tinggi memaksanya



**KEBANYAKAN** universiti hanya menyediakan asrama untuk pelajar baharu manakala yang lama akan mencari rumah sewa di luar kampus.

mencari pekerjaan sampingan bagi melunaskan komitmen bulanan seperti sewa rumah, bil telefon, kelengkapan belajar selain keperluan asas yang lain.

“Keluarga tidak tahu saya buat kerja ‘part time’ menjual barang kecantikan kerana terikat dengan pelbagai komitmen bulanan seperti makan, minum, duit tambang untuk ke kampus dan sebagainya,” katanya.

Tambahnya, terdapat enam penuntut lain yang turut menyewa bersamanya berhampiran kawasan kampus di Seberang Perai dengan setiap seorang membayar sewa termasuk bil api dan air sebanyak RM250 sebulan.

“Kami tiada pilihan kerana polisi kolej kediaman di kampus lebih mengutamakan pelajar semester baharu dan jika mahu tinggal di kolej kediaman perlu kemukakan surat rayuan dan melalui prosedur tertentu,” katanya yang berasal dari Pantai Timur.

#### DEKAT DENGAN KAMPUS

Sementara itu di SEREMBAN, sekumpulan pelajar UiTM Kampus Seremban terpaksa berhimpit 22 orang menyewa rumah di Taman Seremban 3 yang berdekatan dengan kam-

**“Kami tiada pilihan kerana polisi kolej kediaman di kampus lebih mengutamakan pelajar semester baharu dan jika mahu tinggal di kolej kediaman perlu kemukakan surat rayuan dan melalui prosedur tertentu”**

AZLINA

pus tempat pengajian mereka. Salah seorang daripada mereka yang hanya mahu dikenali sebagai Izzati, 22, berkata, dia terpaksa menyewa di rumah teres dua tingkat yang mempunyai lima buah bilik itu kerana ketidaktahanan rumah lain yang terletak berdekatan dengan universiti.

Mengakui tidak selesa kerana terpaksa bersesak dalam sebuah rumah, dia yang berasal dari Kuala Lumpur memberitahu, terpaksa menyewa di rumah

